

CINNA TABLET

Cinnarizine (25mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan CINNA TABLET
2. Bagaimana CINNA TABLET berfungsi
3. Sebelum menggunakan CINNA TABLET
4. Cara menggunakan CINNA TABLET
5. Semasa menggunakan CINNA TABLET
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan CINNA TABLET
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan CINNA TABLET

CINNA TABLET digunakan untuk rawatan simptomatik bagi mual dan vertigo (pening atau kepala berpusing yang dikaitkan dengan masalah ketidakseimbangan bahagian dalam telinga) akibat daripada penyakit Meniere dan gangguan labirin. CINNA TABLET juga boleh digunakan untuk mencegah mabuk perjalanan dan juga dalam pengurusan penyakit arteri periferi.

Bagaimana CINNA TABLET berfungsi

CINNA TABLET ialah ubat daripada kumpulan “penghalang saluran kalsium.” dengan fungsi vasodilasi dan antihistamin. CINNA TABLET meningkat dan memperbaiki pengaliran darah ke bahagian otak dan justeru meningkatkan bekalan oksigen saluran darah. CINNA TABLET juga menghalang stimulasi sistem vestibular.

Sebelum menggunakan CINNA TABLET

-Bila tidak boleh menggunakan

Apabila anda alah terhadap cinnarizine. Elakkan daripada mengambil CINNA TABLET jika mengandungi atau tempoh penyusuan.

-Sebelum mula menggunakan CINNA TABLET

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda alah terhadap sebarang ubat ataupun menghadapi sebarang masalah kesihatan lain.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Minta nasihat daripada doktor atau ahli farmasi anda jika anda ingin menggunakan CINNA TABLET bersama dengan ubat yang lain. Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil sebarang ubat, termasuk ubat yang tidak memerlukan preskripsi.

Cara menggunakan CINNA TABLET

-Berapa banyak harus digunakan

Dos orang dewasa ialah 1 biji tablet tiga kali sehari. Kanak-kanak berumur 5-12 tahun boleh diberi 1/2 biji tablet tiga kali sehari. Untuk mencegah mabuk perjalanan, 1 biji tablet boleh diambil 2 jam sebelum perjalanan bermula, kemudian 1/2 biji tablet setiap 8 jam sepanjang perjalanan jika perlu.

-Bila perlu digunakan

CINNA TABLET perlu diambil mengikut masa yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Ubat ini boleh diambil bersama atau tanpa makanan.

-Berapa lama perlu digunakan

CINNA TABLET perlu diambil mengikut nasihat doktor anda.

-Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa satu dos dan anda mengambil ubat ini secara berterusan, ambil dos itu secepat mungkin. Jika mendekati masa pengambilan dos yang kedua, jangan mengambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang terlupa, kecuali dinasihati oleh doktor. Jangan mengambil dua dos pada masa yang sama.

-Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Gangguan koordinasi otot(ataksia), hallusinasi, rasa kegidilan, konvulsi, mulut kering, kehangatan atau kemerahan pada muka. Minta bantuan perubatan.

Semasa menggunakan CINNA TABLET

-Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat ini mengikut arahan doktor anda.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat ini atau mengubah pengambilan dos tanpa arahan doktor. Jangan memberi ubat ini kepada orang lain walaupun simptom mereka serupa dengan anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

CINNA TABLET perlu diambil dengan perhatian oleh pesakit yang mempunyai tekanan darah rendah kerana CINNA TABLET boleh menurunkan tekanan darah. Elakkan memandu kereta atau mengendalikan jentera yang berbahaya selepas mengambil ubat ini.

Kesan-kesan sampingan

Kesan-kesan sampingan yang mungkin dialami dengan dos yang tinggi termasuk mengantuk dan ia akan hilang selepas dos dikurangkan. Kesan-kesan sampingan lain adalah mulut kering, penglihatan kabur dan berat badan meningkat, rasa ketat pada bahagian dada, kemurungan dan gangguan perut.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan CINNA TABLET

-Penyimpanan


Simpan dalam bekas yang ketat dan di bawah suhu 30°C, elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan kelembapan.

-Pelupusan

CINNA TABLET perlu dilupuskan apabila doktor atau ahli farmasi menyuruh anda berhenti mengambil ubat ini atau ubat ini telah luput tarikh. Sila bertanya kepada ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat yang tidak lagi diperlukan.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

CINNA TABLET adalah tablet putih berbentuk bulat dengan satu muka ditandakan dengan satu skor dan satu muka dengan 'C'. 

-Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif
Cinnarizine

-Bahan tidak aktif

Polyethylene Glycol, Sodium Lauryl Sulfate, Microcrystalline Cellulose, Potato Starch, Sodium Starch Glycolate, Magnesium Stearate dan Talc

-Nombor MAL:

MAL19940027AZ

CINNA TABLET

Cinnarizine (25mg)

**Pengilang dan Pemegang Pendaftaran
Produk**

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.
Lot 3, 5, 7, 12 & 14, Jalan P/7, Section 13,
Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

08/07/2025

Nombor Siri

NPRA(R2/1)230713/1103